



KERAJAAN NEGERI MELAKA
SURAT ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI
BILANGAN 06 TAHUN 2014

**TATACARA TUNTUTAN BAYARAN BALIK BIL OLEH
PEGAWAI KERAJAAN**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan, terdapat Jabatan yang membuat baucar bayaran bagi tuntutan bayaran balik bil pegawai kerajaan dengan menggunakan kod objek di bawah kod Objek Am 20000. Merujuk kepada Arahan Perbendaharaan 99(b) – “Nama seseorang pegawai Kerajaan tidak boleh dicatatkan sebagai penerima bayaran pada sesuatu baucar kecuali berkenaan dengan gaji, pendahuluan dan pinjaman atau tuntutan persendirian yang lain.” Maksud tuntutan persendirian adalah seperti tuntutan perjalanan, elaun lebih masa dan bayaran balik tertentu di bawah kod Objek Am 15000.

3. Justeru, pihak pengurusan telah memutuskan bahawa sebarang bil tuntutan oleh pegawai kerajaan selain yang dibenarkan di bawah AP 99(b) hendaklah dibayar melalui Panjar Wang Runcit (PWR). Amaun bayaran yang kecil adalah merujuk kepada AP 97(d).

4. Setiap Jabatan dinasihatkan untuk mengawal aliran Panjar Wang Runcit seperti berikut:

i. Reкупmen hendaklah dibuat apabila 30% dari jumlah panjar wang runcit telah dibelanjakan.

Atau

ii. Reкупmen hendaklah dibuat setiap bulan sekiranya perbelanjaannya tidak melebihi 30%.


5. Sehubungan itu, kerjasama pihak YB Datuk/Tuan/Puan, adalah diperlukan bagi memastikan tatacara tersebut dipatuhi kerana kegagalan pihak YB Datuk/Tuan/Puan, akan menyukarkan urusan jabatan.

6. Arahan operasi ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG, FASA II”
“BERKAT, TEPAT, CEPAT”

Saya yang menurut perintah,



(JAFRIL BIN JUNIT)
Bendahari Negeri,
MELAKA

s.k. YB Datuk Pegawai Kewangan Negeri Melaka
s.k. Jabatan Audit Cawangan Melaka